

# PM mahu hubungan pemimpin dan rakyat dipelihara sepanjang waktu

UM 22 AUG 1988

**M**ELAKA 21 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, hubungan antara pemimpin dan rakyat perlu dipelihara sepanjang waktu dan bukannya apabila menjelang pilihanraya sahaja.

Perdana Menteri berkata, hubungan yang kukuh adalah penting bagi mewujudkan perasaan saling memahami antara kerajaan dan rakyat yang akan memudahkan usaha menyelesaikan segala masalah yang dihadapi oleh negara.

Pemimpin yang terputus hubungan dengan rakyat merupakan pemimpin yang telah lupa daratan dan tidak boleh dianggap sebagai pemimpin, katanya semasa melancarkan perhimpunan gerakan Setia Bersama Rakyat (SEMARAK) peringkat Negeri Melaka di kawasan penambakan laut di Bandar Hilir di sini hari ini.

“Kempen ini (perhimpunan SEMARAK) akan mendekatkan lagi pemimpin dengan rakyat bagi sama-sama mengulangi ikrar untuk berjuang menegakkan negara agar tidak ketinggalan zaman, lebih maju dan dihormati oleh dunia.

“Kalau tidak ada SEMARAK akan terputuslah hubungan rakyat dengan pemimpin dan pemimpin akan hanya menemui rakyat semasa pilihanraya sahaja,” katanya.

Perdana Menteri berkata, SEMARAK diadakan dengan niat ikhlas untuk merapatkan hubungan antara pemimpin dan rakyat.

“Kita tidak mengadakan SEMARAK kerana hendak pilihanraya. Kita adakan dengan niat ikhlas untuk merapatkan lagi hubungan antara pemimpin dan rakyat.

“Kita ingin menemui seberapa ramai rakyat yang

boleh. Ia diadakan bukan selalu,” kata beliau.

Menurutnya, hubungan antara pemimpin dan rakyat tidak diadakan bila pilihanraya seperti yang dibuat oleh sesetengah pihak.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menegaskan, negara ini akan mengalami nasib serupa Kampuchea dan Afghanistan jika pemimpin dan rakyat tidak bersungguh-sungguh dalam menjadikan negara ini sebuah negara yang dihormati dunia.

Perdana Menteri menambah, hanya dengan kesedaran dari pemimpin dan rakyat untuk menjadikan negara ini kuat dan dapat mempertahankan diri membolehkan kemerdekaan yang telah dikecapi dikedalkan.

“Jangan kita fikir bahawa negara kita sudah merdeka dan kemerdekaan itu akan berkekalan. Kita hanya dapat kekalkan kemerdekaan ini kalau kita sedar dan mahu negara ini menjadi sebuah negara yang besar, kaya, kukuh, kuat dan mampu pertahankan diri.

“Hanya dengan cara itu barulah kemerdekaan yang telah dikecapi dapat dijamin dan dikedalkan,” tegas beliau.